

## **Kem mini beri OKU pengalaman, kehidupan tanpa perasaan rendah diri**



Pelatih OKU teruja merasai pengalaman berkhemah bersama rakari di PDK Jalinan Kasih.

**BATANG KALI** - Perkhemahan 'Mini Camp Anak Syurga 2017' selama dua hari satu malam memberi pengalaman berharga kepada pelatih kurang upaya (OKU) di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Jalinan Kasih, di sini.

Kekurangan sebagai OKU tidak menghalang anak-anak istimewa itu merasai pengalaman berkhemah bersama rakan lain walaupun hanya dalam kawasan PDK tersebut.

Penyelia PDK Puncak Jalinan Kasih, Batang Kali, Julia Masan berkata, aktiviti perkhemahan buat julung kali diadakan itu adalah salah satu inisiatif PDK mem-

bimbing pelatih menguruskan diri sendiri di bawah bimbingan tenaga pengajar.

"Kita beri peluang kepada pelatih merasai pengalaman berkhemah termasuk membakar ayam kerana aktiviti sebegini sangat diminati sesiapa sahaja mengikut cara masing-masing.

"Anak-anak istimewa ini juga mempunyai keinginan yang sama dan secara tidak langsung mendedahkan mereka kepada kehidupan tanpa merasa rendah diri sebaliknya meningkatkan keyakinan diri," katanya.

Menurutnya, PDK memainkan peranan membimbing pelatih untuk mengurus diri sendiri selain dapat

menyesuaikan diri ketika bersama orang sekeliling.

Seorang pelatih, Muhamad Faiz Abdul Ghani, 25, berkata, perkhemahan adalah aktiviti yang menyeronokkan apabila pelatih dibenarkan tidur "di dalam khemah dan berkumpul seperti sebuah keluarga.

"Kebiasaan kami berjumpa ketika waktu pembelajaran di PDK pada siang hari dengan melakukan rutin harian yang sama.

"Sekali sekala dapat berkhemah macam ini memang seronok. Tidur dalam khemah, tolong cikgu masak, bakar ayam, menyanyi dan banyak lagi boleh buat," katanya.